

## **ANALISIS SENI HIASAN “KOLAM” BERASASKAN TEORI FELDMAN**

### ***(THE ANALYSIS OF DECORATIVE ART OF “KOLAM” BASED ON FELDMAN’S THEORY)***

**Santhi A/P Letchumanan <sup>1</sup>**  
**Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Hussain <sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris. **E-mel:** santhilechumanan@yahoo.com

<sup>2</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Accepted date:** 31 March 2018

**Published date:** 10 June 2018

**To cite this document:** Letchumanan, S., & Hussain, A. H. (2018). Analisis Seni Hiasan “Kolam” Berasaskan Teori Feldman. *Journal of Islamic, Social, economics and Development*. 3 (10), 63 -70.

---

**Abstrak:** *Kertas kerja ini akan membentangkan hasil kajian yang dijalankan untuk meneliti secara khusus tentang seni melukis ‘kolam’ secara proses sosialisasi di kalangan masyarakat India. Seni ‘kolam’ boleh didefinisikan sebagai kerja seni yang melibatkan kemahiran tangan yang memerlukan daya cipta dan diwarisi melalui pendidikan tidak formal oleh masyarakat India. Seni melukis ‘Kolam’ diilhamkan daripada motif flora, fauna, motif geometri dan organik. Fokus kertas kerja adalah berkaitan penggunaan unsur alam dalam melukis seni ‘kolam’. Kajian ini juga menfokuskan tentang nilai dan falsafah di sebalik penggunaan motif alam dalam melukis seni kolam’. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes. Teknik pengumpulan data melalui pemerhatian, temubual, rakaman visual dan kajian dokumen. Data-data akan yang diperolehi dianalisis secara berterusan semasa di lapangan menggunakan model interaktif Miles dan Huberman. Manakala kajian ini akan menggunakan pendekatan interdisiplin dengan konsep-konsep dalam teori kebudayaan sebagai teori utama, pendidikan dan teori sosiologi. Melukis ‘kolam’ lebih dikaitkan dengan aspek keceriaan, kepercayaan dan memiliki falsafahnya tersendiri serta mengekalkan identiti masyarakat India di Malaysia melalui proses pendidikan tidak formal.*

**Kata Kunci:** *Kolam’, Sosialisasi, Kebudayaan, Identiti*

**Abstract:** *This paper presents the results of the study conducted to examine specifically the art of ‘kolam’ by socialization process among Indians. The ‘kolam’ art can be defined as artwork involving hand skills that require creativity and are inherited through informal education by the Indian community. Art painting ‘kolam’ is inspired by flora, fauna, geometric and organic motives. The focus of the paper is on the use of natural elements in painting the art of ‘kolam’. This study also focuses on the value and philosophy behind the use of natural motives in painting the art of the ‘kolam’. This research uses a qualitative approach to case studies. Technique of data collection through observation, interviews, visual recording and document*

*study. The data will be analyzed continuously while in the field using the Miles and Huberman interactive model(1992). While this study will use interdisciplinary approaches with concepts in cultural theory as the main theory, education and sociology theory. Drawing a 'kolam' is more closely linked to the aspects of cheerfulness, trust and its own philosophy and maintaining the identity of the Indian community in Malaysia through the informal educational process.*

**Keywords:** 'Kolam', Socialization, Culture, Identity

---

## **Pengenalan**

Seni 'kolam' masyarakat India di bandar Sitiawan dijelaskan dengan deskripsi dan analisis hasil lukisan seni 'kolam dalam konteks formalistik serta penjelasan konsep dalam Teori Budaya Geertz 1973 bagi ulasan keseluruhan penjelasan pengkaji. Penjelasan lebih menjurus kepada unsur-unsur seni seperti warna, garisan, jalinan dan unsur prinsip rekaan yang terdapat dalam seni 'kolam'. Setiap deskripsi terhadap karya seni 'kolam' tidak sekadar mentafsir mengikut pendapat dan pandangan sendiri sahaja tetapi harus mematuhi segala prosedur-prosedur tertentu secara teliti ungkapan yang benar-benar matang.

### *Analisis Karya 'Kolam'*

Huraian dan analisis karya 'kolam' daripada pelukis yang meliputi sebuah buah karya 'kolam'. Huraian adalah berdasarkan kepada analisis karya dengan menggunakan teori Feldman. Edmund Burke Feldman (1967) dalam bukunya berjudul 'Arts As Image and Idea' menyatakan bahawa, Arts does this, but it also involves finding and forming line, colours, shapes and volumes so that they seem to mean something significant to the artist'. Di mana tumpuan pada pokok bahasan (subject matter) atau makna dari karya seni yang mempunyai empat tahap teori iaitu deskripsi, analisis formalistik, interpretasi dan penilain yang saling berkait dari satu tahap ke tahap lainnya.

### *Karya 'kolam Pelukis 1*



Tajuk 'kolam' : Roja Pu 'Kolam'  
( 'Kolam' Bunga Mawar)  
Nama Pelukis : En. Chandran A/L  
Murugesan  
Umur : 50 tahun  
Tema 'kolam' : Perkahwinan

Rajah 1 : Karya 'kolam Pelukis 1

## *Deskripsi*

'Kolam' dalam rajah rajah 1 di atas bertajuk 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) yang memaparkan ekspresi visual melalui bunga mawar. 'Kolam' ini hasil rekaan En. Chandran A/L Murugesan. Di samping itu, jenis 'kolam' ini dikategorikan sebagai 'nir kolam'. ('kolam cecair'). Ini kerana tepung beras yang dikisar sehingga halus dan juga dicampur dengan tepung gandum. Seterusnya, dicampurkan sedikit air dalam adunan tepung dan kemudiannya kain atau kapas digunakan untuk mengambil tepung cair itu sambil picit dan dititikkan dengan menggunakan ibu jari, jari telunjuk dan jari tengah mengikut perkiraan-perkiraan tertentu di atas lantai yang telah dibersihkan terlebih dahulu.

Kemudian garisan yang berliku-liku dibuat di sekeliling titik dengan kemas dan bersih membentuk rekaan 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar). 'Kolam' ini bersaiz dengan ukuran 45 sentimeter tinggi dan 55 sentimeter lebar. Seterusnya dari aspek hal benda, terdapat tujuh kuntum bunga mawar bunga di bahagian tengah digambarkan seperti sudah mekar. Di sebelah kiri dan kanan terdapat tiga kudup bunga mawar yang dilukis dengan dua helai daun setiap satu kudup bunga mawar. Seterusnya, terdapat dedaun di bahagian bawah bunga mawar. Manakala duri juga terdapat pada sebelah tangkai kudup bunga mawar. Semua objek yang digambarkan dalam 'kolam' ini adalah rupa organik.

Sebahagian besar pelukis 'kolam' pada masa sekarang menggunakan pelbagai media yang tidak lagi bersifat tradisional. Sebaliknya kecenderungan pelukis 'kolam' yang bertajuk 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) ini masih mengekalkan cara tradisional untuk melukis 'kolam' dalam arus perkembangan seni 'kolam' moden di Malaysia pada masa kini. Di mana, pelukis masih menggunakan bahan asal seperti tepung beras dan gandum.

## **Analisis Formalistik**

### *Analisis Unsur Seni dan Prinsip Rekaan*

Unsur seni seperti garisan, rupa, bentuk, ruang, jalinan, warna yang terdapat dalam 'kolam' telah dihuraikan seperti dalam jadual di atas. Dari aspek unsur seni, garisan mendominasi karya 'kolam' yang bertajuk 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) ini. Garisan-garisan yang digunakan terdiri dari garisan lengkung, beralun dan sendeng yang memberikan kesan nilai yang tinggi pada 'kolam' ini. Garisan melengkung dan berlingkar yang membentuk tiga kudup bunga di bahagian atas 'kolam' bertindak sebagai sempadan bahagian atas dan bawah manakala garisan sendeng terdapat pada daun yang dilukis di bahagian atas dan bahagian bawah. Seterusnya, terdapat beberapa objek dalam karya 'kolam' dilukis dengan garisan beralun iaitu di bahagian tengah yang menggambarkan tujuh kuntum bunga mawar. Garis-garis ini menjadikan bentuk objek lebih timbul dan secara tidak langsung memberi kesan makna interpretasi apabila membaca 'kolam' ini dari pelbagai posisi.


Aspek warna yang terdapat dalam karya 'kolam' ini ialah ton warna putih yang amat sesuai dengan tema berkaitan dengan 'kolam' tradisional. Keseluruhan karya rekaan 'kolam' didominasi dengan penggunaan ton warna putih dari campuran tepung beras dan gandum. Dengan demikian, penggunaan warna putih pada objek alam yang terdapat pada kuntum-kuntum bunga mawar seperti tujuh kudup bunga, dedaun dan duri disejajarkan dengan tema 'kolam' iaitu 'kolam' tradisional yang perlu menggunakan warna putih.

Aspek rupa pada 'kolam' tercipta dari unsur garis yang kuat. Rupa organik kelihatan sangat dominan dalam 'kolam' ini. Unsur rupa dapat dilihat melalui tujuh kuntum bunga mawar, dedaun dan kudup bunga yang mempunyai rupa organik dengan penggunaan garisan beralun pada objek tujuh kuntum bunga mawar. Sebaliknya, garisan melengkung terdapat pada objek seperti dedaun dan kudup bunga.

Unsur bentuk dapat dilihat pada 'kolam' adalah seperti tujuh kuntum bunga mawar dan kudup bunga mawar serta dedaun. Objek-objek ini terbentuk hasil dari unsur garisan melengkung dan beralun serta unsur rupa organik. Justeru unsur garisan dan rupa menghasilkan bentuk yang memiliki kedalaman atau memberi nilai yang tinggi pada objek. Dengan hal yang demikian, melalui unsur bentuk inilah objek-objek dalam 'kolam' dapat diinterpretasikan secara mendalam sebagai penyatuan pasangan pengantin lelaki dan wanita.

Selanjutnya, hasil analisis pengkaji dalam 'kolam' ini mendapati bahawa unsur jalinan terdapat pada kekuatan penggunaan unsur garisan yang menggunakan campuran bahan seperti tepung beras dan tepung gandum yang cair. Berkaitan dengan hal tersebut, elemen jalinan dapat diwujudkan melalui garisan yang telah kering.

Pengkaji telah menganalisis unsur ruang dengan melihat pada unsur rupa dan bentuk sahaja. Pengkaji mendapati bahawa cara ini amat mudah untuk melihat kewujudan ruang positif dan ruang negatif yang ditunjukkan dalam rajah *rajah.2 di bawah*:



*Rajah 2 Analisis ruang karya 'kolam'*

Ruang wujud dalam karya 'kolam' dengan meletakkan garisan horizontal dan garisan vertikal. Objek tujuh kuntum bunga mawar untuk meletakkan garisan horizontal di bahagian tengah manakala garis vertikal yang membentuk kontradiksi adalah susunan dedaun yang padat dengan pelbagai jenis garisan seperti garisan lengkung, sendeng dan berpancar. Ruang nyata wujud dalam karya 'kolam' ini apabila peletakan objek seperti seperti dalam rajah 1.2 di atas. Pengkaji telah menganalisis karya 'kolam' ini dan meletakkan garisan putus-putus horizontal dan garisan putus-putus vertikal bagi menggambarkan ruang pada bahagian atas dan ruang


pada bahagian bawah. Di samping itu, penekanan terhadap peletakan setiap objek dalam karya 'kolam' lebih kepada setiap ruang dalam rekaan 'kolam'.

Selanjutnya, prinsip rekaan yang telah dianalisis oleh pengkaji dalam hasil 'kolam' yang bertajuk 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) ini terdiri daripada pergerakan, kesatuan, kepelbagaian, kontra, penegasan dan harmoni. Pengkaji menghuraikan setiap analisis prinsip rekaan dalam penjelasan di bawah. Elemen pergerakan dapat dilihat melalui unsur garisan yang membentuk pelbagai rupa organik serta kewujudan terhadap pengulangan objek seperti dedaun dan tujuh kuntum bunga mawar. Di samping itu, irama dan pergerakan dapat diamati di mana garisan dalam 'kolam' ini dilakukan dalam suasana hati yang tenang dengan susunan pergerakan garisan beralun yang berirama dan cermat seperti yang terdapat pada objek bunga mawar dan dedaun.

Prinsip kesatuan digambarkan melalui susunan objek-objek seperti tujuh kuntum bunga mawar, tiga kudup bunga dan dedaun yang sejajarkan dengan penggunaan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan digabungkan dalam rekaan 'kolam' seperti jalinan, garisan dan warna ton putih. Unsur jalinan dapat diamati melalui garisan-garisan seperti garisan beralun, garisan lengkung dan garisan sendeng. Selanjutnya, kesan dari penggunaan tepung beras dan tepung gandum cair yang berwarna putih telah kering dapat menonjolkan kesan jalinan yang nyata dalam 'kolam' ini.


Seterusnya, prinsip kepelbagaian dalam 'kolam' yang bertajuk Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) berlaku melalui penggunaan unsur-unsur seni dalam peletakan setiap objek yang telah menimbulkan prinsip kepelbagaian. Objek tujuh kuntum bunga mawar diulang tujuh kali dan prinsip pengulangan berlaku sebanyak tiga kali pada kudup bunga sebaliknya objek dedaun diulangi beberapa kali menimbulkan penggunaan prinsip kepelbagaian dalam 'kolam' ini. Selain itu, kesepaduan antara penggunaan unsur garisan beralun dan garisan lengkung dengan pembentukan unsur rupa organik dan bentuk nyata juga menggambarkan penggunaan elemen prinsip kepelbagaian dalam kolam ini.

Prinsip kontra merupakan prinsip yang ke empat yang dapat dikesan oleh pengkaji dalam karya 'kolam' ini. Objek-objek yang menjadi kontra adalah objek bunga mawar yang mempunyai garisan beralun sebaliknya objek dedaun menggunakan garisan lengkung dan sendeng.



Rajah 1.3 Analisis prinsip kontra dalam karya 'kolam' 2

Daripada pemerhatian dan analisis pengkaji, analisis berkaitan dengan prinsip penegasan digambarkan melalui perbezaan tiga tahap layer pada karya 'kolam' ini seperti dalam rajah 1.4. Pada tahap layer pertama penegasan ditunjukkan melalui objek tiga kudup bunga dan dedaun yang saling berimbang. Manakala pada tahap layer kedua penegasan hanya pada objek tujuh kuntum bunga mawar dan pada layer ketiga kembali memberi penegasan pada susunan dedaun. Jadi keseluruhan karya 'kolam' ini prinsip penegasan tercipta pada tahap layer kedua melalui objek tujuh kuntum bunga mawar melalui penggunaan garisan beralun yang berkontra dengan objek susunan dedaun melalui penggunaan garisan melengkung.



Rajah 1.4 Analisis prinsip penegasan dalam karya 'kolam'

Seterusnya, prinsip harmoni yang dianalisis oleh pengkaji mendapati bahawa pelukis menggunakan prinsip harmoni bersama-sama dengan unsur-unsur garis untuk memuji komposisi keseluruhan karya 'kolam' ini. Pelukis menggunakan ton warna putih untuk menekankan keindahan pada seni 'kolam' tradisional supaya dapat menyerlahkan cerita dan falsafah di sebalik makna dan simbol yang digunakan dalam 'kolam' yang bertajuk Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar).

Karya 'kolam' ini pelukis telah mengekspresikan sebuah simbol kehidupan sekali gus menyerlahkan makna hubungan lelaki dan wanita yang memang diciptakan berpasang-pasangan melalui ikatan perkahwinan yang akan melahirkan zuriat sehingga mendapat cucu cicit dan dapat meneruskan kehidupan manusia.

### ***Interpretasi***

Karya rekaan 'kolam' yang bertajuk 'Roja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) memberi makna kesan emosi yang tersirat. Bunga menyiratkan makna proses kehidupan manusia yang dimulai dengan gambaran keharuman bunga mawar memberi pengertian kehidupan yang kekal abadi TB.PK1. Pengantin hidup bahagia, bersatu padu dan membentuk keluarga asas yang hidup bahagia. Keakhraban hubungan ini terus dipegang untuk penerusan generasi. Justeru, lelaki dan wanita disatukan melalui hubungan perkahwinan dan berpasang-pasangan menuju hakikatnya untuk saling melengkapi dan menghendaki satu sama lain. Tambahan lagi, informan juga menyatakan bahawa motif dua kudup bunga mawar dikaitkan dengan dorongan untuk memenuhi keperluan hidup berkembang dan meneruskan keturunan. Justeru,

perkahwinan adalah institusi sosial masyarakat yang mengesahkan secara hukum agama dan negara yang akan mempunyai ikatan jasmani dan rohani secara bersatu antara lelaki dan wanita yang kemudiannya akan menghasilkan keturunan sebagai wadah pewujudan cinta kasih terbesar dari keduanya (Aryo Sunaryo, 2010: 154 ).

Seterusnya, terdapat juga dedaun di bahagian bawah layer yang ketiga 'kolam' ini. Objek dedaun telah membentuk satu kesatuan yang menambah kemantapan pada hasil seni ini. Objek dedaun memberi makna yang sangat mendalam dari aspek jalinan hubungan sehingga membawa kepada penyatuan melalui perkahwinan dan seterusnya mencipta satu kesempurnaan melalui kesegaran dalam membina rumah tangga yang bahagia yang dibina oleh kedua-dua pasangan (PK1). Manakala, 'kolam' yang bersifat ekspresi ini digambarkan iaitu duri memberi simbol sentiasa menjaga, melindungi dan berwaspada daripada orang yang mengancam kebahagiaan rumah tangga. Sementara, banyak kelopak bunga menggambarkan pasangan pengantin hidup bahagia. Sebaliknya, kelopak bunga sedikit membawa mesej kehidupan yang tidak sempurna.

Pengkaji telah menjalankan temu bual secara individu dengan pelukis 'kolam' (PK1) bagi mendapatkan makna disebalik penggunaan garisan yang menjadi dominan dalam setiap 'kolam' berupa tradisional. 'Kolam' umumnya dilihat sebagai suatu kewajipan dalam upacara keagamaan dan perhiasan untuk meraikan sesuatu majlis keramaian. Amalannya mempunyai maksud tertentu iaitu setiap manusia mengharungi perjalanan hidup untuk mencari kesempurnaan dalam hidup ini. Tambahan lagi, 'kolam' melambangkan kehidupan manusia yang penuh dengan kesusahan dan kebahagiaan. Apabila seseorang melihat lukisan 'kolam', yang terlantas dalam fikiran ialah ia sukar dilukis kerana 'kolam' mempunyai pelbagai jenis garisan iaitu garisan sendeng, berliku, lengkung, berlingkar, berpancar dan beralun. Makna yang terselindung disebalik garisan-garisan ini yang melambangkan kehidupan manusia yang penuh berliku dan tidak mudah atau lurus seperti yang diharapkan (Mutheswary.V,1998:15).

### ***Penilaian***

Penilaian adalah tahap terakhir iaitu kajian ke atas makna intrinsik iaitu kandungan nilai-nilai simbolik yang terdapat pada karya 'kolam' ini. Tahap ketiga ini menekankan tentang pandangan pemerhati terhadap dunia.

Dalam dimensi kehidupan manusia, yang hadir dalam dua peribadi berbeza iaitu lelaki dan wanita disatukan melalui perkahwinan. Keindahan hubungan ini adalah sebuah simbol kehidupan yang bahagia digambarkan melalui penyatuan objek-objek seperti bunga mawar yang berpadu dengan dedaun, duri dan kudup bunga yang terbahagi kepada tiga layer. Karya 'kolam' yang bertajuk 'Raja Pu 'Kolam' ('Kolam' Bunga Mawar) yang dilukis oleh Pelukis 1 (PK1) ini bercerita tentang kehidupan lelaki sebagai suami dan wanita sebagai isteri terjalin atas landasan kasih sayang menjadi syarat mutlak menuju hidup yang baru selepas berkahwin. Dengan hal demikian, maka bermulanya satu nafas baru dalam kehidupan sebagai suami isteri yang merupakan suatu kurniaan indah daripada Tuhan.

## Rujukan

- Anbalagan (2008). *Identiti India Di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Samad Ismail, Roslan Hasni and K. G. Subramanian (2009). *Sutra: International Journal of Mathematical Science Education*, Vol. 2, No. 2, 1 – 10, ms1-10.
- Aryo Sunaryo (2010). *Ornamen Nusantara: Kajian Khusus Tentang Ornamen Indonesia*. Semarang: Dahara Prize.
- Ascher, M. (2002). *The kolam Tradition: A Tradition of Figure-Drawing in Southern India Expresses Mathematical Ideas and has attracted the Attention of Computer Science*, Vol.90, 2002, ms.3.
- Azharudin Mod Dali (2016). *Sejarah Masyarakat India Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chenulu. S, (2007). *Teaching Mathematics Through The Art of Kolam*, Vol.12.N.8, ms.423.
- Jabatan Perangkaan, (2014). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Feldman, Edmund Burke (1967). *Arts as Image and Idea*. New York: Prentice-Hall.
- Geertz, C. (1992). *The Interpretation of The Cultures*. New York: Basic Books.
- Gift. Siromoney. R., & Robinson, T. (1989). *Kambi kolam and cycle grammars*. R.Narasimhan & G.Chennai: World Scientific.
- Laine, A. (2009). Complementarity between art and anthropology experiences among kolam makers in South India. *Suomen Antropologi: Journal of the Finnish Anthropological Society*, 34(2), 58-69.
- Lisa Tensin, Dolma (2015). *The Mindful Mandala Colouring Book*. London:Walkins Media Limited: London.
- Rajantharan.M, Manimaran.S (2006). *Konsep Ketuhanan Masyarakat Beragama Hindu Luar Bandar Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Panofsky, Erwin. (1955). *Meaning in The Visual Arts*. Chicago:The University of Chicago Press.
- Robinson.T. (2006), *Extended Pasting Scheme for Kolam Pattern Generation*. 22, 55–64, Madras: University Of Madras.
- Sandrakantham (2011). *Dua ratus Tahun Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perniagaan Normahs.

## Rujukan Tesis

- Mutheswary.V. ( 1998). *Seni India: Aspek Warna dalam Kolam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.